

UNTUK SIARAN SEGERA



JABATAN PENDIDIKAN WP KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

**INSIDEN PERGADUHAN MELIBATKAN MURID BERLAKU
DI LUAR KAWASAN SEKOLAH,
TINDAKAN PERUNDANGAN SEDANG DIAMBIL**

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) mengambil serius insiden pergaduhan melibatkan murid yang berlaku di kawasan perumahan seperti yang tular di media sosial.

Pihak Polis telah selesai menjalankan siasatan dan kes tersebut kini dalam proses tindakan perundangan. JPWPKL memberi kerjasama penuh terhadap siasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa.

JPWPKL tidak berkompromi dengan sebarang salah laku keganasan melibatkan warganya. Tindakan tegas akan diambil terhadap sesiapa sahaja yang bersalah.

Orang ramai dinasihatkan agar tidak membuat sebarang spekulasi atau menyebarkan identiti kanak-kanak bawah umur seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang.

TAMAT

**JABATAN PENDIDIKAN WP KUALA LUMPUR
21 JULAI 2026**